

21 JUL 2000

Sipadan-Kembali

EMPAT BEKAS TEBUSAN DI JOLO KEMBALI KE SABAH

KOTA KINABALU, 21 Julai (Bernama) -- Empat rakyat Malaysia yang dibebaskan oleh kumpulan penculik di Pulau Jolo selamat tiba di sini malam ini, kira-kira 12 jam selepas dibebaskan.

Mereka tiba pukul 8.55 malam di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan penerbangan sewa khas menggunakan pesawat ringan Piper Cheyenne 400 Turboprop milik Medi Air Sdn Bhd.

Kaum keluarga dan sanak-saudara berhimpun seawal pukul 6 petang di landasan lapangan terbang sambil mengangkat poster yang membawa pelbagai mesej bagi menyambut kepulangan mereka.

Perasaan rindu, terharu dan gembira yang tidak terhingga para anggota keluarga dapat dirasai apabila mereka meluru ke arah keempat-empat bekas tebusan sebaik sahaja mereka turun dari pesawat itu.

Yang turut hadir menyambut kepulangan mereka ialah Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Datuk Yahya Hussin mewakili Ketua Menteri Datuk Osu Sukam bersama beberapa orang anggota kabinet negeri.

Sebaik tiba, mereka dan anggota keluarga terdekat dibawa dalam satu bilik khas kira-kira 10 minit dan kemudian dibawa bertemu wartawan yang datang beramai-ramai membuat liputan mengenai kepulangan mereka.

Renjer Jabatan Hidupan Liar, Francis Masangkim, 34, yang menjadi orang pertama menjawab soalan mengenai perasaannya apabila kembali ke tanah air, berkata tiada perkataan yang dapat menggambarkan kegembiraannya.

"Hari ini genap 90 hari saya menjadi tebusan dan saya berasa sungguh gembira tidak terhingga apabila dibebaskan kerana dapat berjumpa semula dengan keluarga," katanya.

Penghargaan serupa turut dirakamkan oleh Lee Hock Leong, 20 dan Baln Krishnan Nair, 34.

" Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan Filipina sehingga saya dapat keluar dari tahanan," kata Baln Krishnan.

Sementara itu, Vincent Kwong, 40, pula berkata walaupun beliau gembira kerana dapat dibebaskan namun beliau bersedih kerana tiga lagi rakyat Malaysia masih dalam tahanan.

" Walaupun tidak lagi bersama di (Jolo) tetapi mudah-mudahan saya berharap kita dapat berjumpa di Sabah," katanya.

Francis berkata adakalanya mereka berasa putus asa selepas begitu lama berada dalam tahanan.

Namun mereka tetap yakin bahawa mereka akan menikmati semula kebebasan.

" Tidak ada apa lagi yang ada dalam fikiran melainkan kami ingin bebas," katanya.

Mengenai rancangan mereka selepas ini, kesemuanya menyebut hasrat untuk berehat seketika bersama keluarga sebelum kembali bekerja.

" Selepas tiga bulan berada dalam tahanan, saya rasa apa yang saya perlu buat sekarang ialah berehat...lepas itu barulah saya akan kembali bekerja," kata Vincent.

Pada akhir persidangan berita, Francis bagi pihak rakan-rakannya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam serta beberapa individu atas keprihatinan mereka.

Keempat-empat mereka kemudian dibawa ke Hospital Queen Elizabeth untuk pemeriksaan kesihatan.

-- BERNAMA

HAK JS FAZ

